KENYATAAN MEDIA

MIROS HARGAI KOMITMEN MODENAS MELALUI MYMAP DALAM MEMPERKASA KESELAMATAN MOTOSIKAL

KAJANG, 7 NOV 2025 – Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) menghargai komitmen MODENAS dalam mengutamakan keselamatan pengguna melalui penghasilan motosikal berteknologi tinggi dan menepati piawaian antarabangsa. Melalui penyertaan aktif dalam **Program Penilaian Motosikal Malaysia (MyMAP)**, MODENAS terus menjadi antara pengeluar yang menunjukkan komitmen tinggi terhadap keselamatan sebagai teras utama pembangunan produk. MyMAP, yang berperanan sebagai pemangkin ke arah penghasilan motosikal lebih selamat dalam pasaran tempatan, kini menjadi penanda aras penting dalam memperkukuh budaya keselamatan jalan raya di Malaysia.

Sepanjang penglibatan MODENAS di dalam program MyMAP, sebanyak **26 penyertaan telah dinilai**, termasuk **12 model terbaharu** yang telah menerima penarafan lima bintang melalui **MyMAP 2025**. Majlis penyampaian plak penarafan bintang MyMAP kepada pihak MODENAS telah berlangsung baru-baru ini di Ibu Pejabat Edaran MODENAS Sdn. Bhd (EMOS), Shah Alam. Sebagai simbolik penyerahan, **Ts. Zulhaidi Mohd Jawi,** Pengarah Pusat Biomekanik dan Keselamatan Kenderaan mewakili MIROS menyerahkan plak penarafan bintang kepada **Tuan Roslan Roskan**, Ketua Pegawai Eksekutif MODENAS. Turut hadir menyaksikan penyerahan tersebut ialah Mr. Go Nomura, General Manager QA Division Kawasaki Motors Corporation (KMC); dan Mr. Jin Inoe, wakil kanan KMC Jepun.

Pencapaian ini mencerminkan dedikasi berterusan MODENAS untuk memastikan setiap model yang dihasilkan bukan sahaja berprestasi tinggi, tetapi turut dilengkapi dengan ciri keselamatan yang komprehensif. Model yang terlibat dalam penarafan MyMAP kali ini adalah jenis skuter iaitu model skuter KYMCO DTX 250 dan KYMCO AK 550, model "*touring*" Kawasaki Versys 1100, Versys 1100 S, dan Versys 1100 SE, model "*naked*" Kawasaki Z650RS, MODENAS Z500 dan

Z500 SE, model "*sport*" Kawasaki Ninja ZX-6R dan Ninja 1100SX SE, MODENAS Ninja 500 dan Ninja 500 SE. Kesemua model ini telah menerima penarafan lima bintang MyMAP 2025.

Skor keseluruhan bagi kesemua model yang dinilai adalah di antara 4.72 hingga 4.86, merangkumi empat kriteria utama MyMAP – pematuhan kepada peraturan *United Nations Regulations* (UNR), *Conformity of Production* (CoP), ciri-ciri keselamatan dan teknologi, serta program sokongan keselamatan.

Memetik nota penting daripada Ketua Pengarah MIROS, Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Siti Zaharah Ishak, kejayaan MODENAS merupakan bukti nyata bahawa sektor industri motosikal tempatan semakin progresif dalam menerapkan elemen keselamatan melalui teknologi. "MIROS amat menghargai usaha MODENAS yang bukan sahaja mematuhi piawaian antarabangsa, malah turut menerajui inisiatif mendidik penunggang melalui MODENAS *Safety Riding Academy* (MSRA). Pendekatan ini menunjukkan bahawa keselamatan bukan hanya bergantung pada teknologi, tetapi turut memerlukan pengetahuan dan disiplin menunggang yang tinggi," katanya.

Melalui pelbagai inisiatif seperti Bengkel Pemeriksaan & Penyelenggaraan Motosikal serta Program Latihan Jurulatih (*Train-the-Trainer*), MSRA berperanan membantu penunggang memahami fungsi teknologi keselamatan dan mengamalkan tunggangan yang berhemah. Usaha ini seiring dengan matlamat MyMAP untuk membudayakan amalan tunggangan yang selamat dan bertanggungjawab di Malaysia.

MIROS berharap kejayaan serta komitmen MODENAS akan menjadi inspirasi kepada semua pengeluar motosikal di Malaysia untuk terus memperkukuh fokus terhadap aspek keselamatan dan tanggungjawab sosial. Melalui Program Penilaian Motosikal Malaysia (MyMAP), MIROS akan meneruskan kerjasama erat dengan pihak industri bagi memastikan setiap motosikal yang dipasarkan di negara ini menepati piawaian keselamatan tertinggi, selaras dengan aspirasi untuk menjadikan jalan raya di Malaysia lebih selamat kepada semua pengguna. Matlamat utama MIROS adalah untuk memastikan motosikal menjadi mod pengangkutan yang bukan sahaja selamat, tetapi juga mampan dan sejahtera untuk semua lapisan masyarakat, di samping terus

memperkukuh ekosistem keselamatan kenderaan di Malaysia melalui kolaborasi berterusan bersama pihak industri dan agensi berkaitan. Maklumat lanjut mengenai penilaian MyMAP serta senarai motosikal yang telah menerima penarafan boleh didapati di www.mymap.com.my.

—TAMAT—

Untuk Pertanyaan media:
Unit Komunikasi Korporat dan Pengurusan Ilmu
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)
Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, SELANGOR Tel: 03 - 8924 9200 E-mel: inquiry@miros.gov.my